

Headline	Bambangan, tarap akan dipromosi ke Singapura secara meluas		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	1	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	327 cm <sup>2</sup>
Journalist	NAZRINI BADARUN	AdValue	RM 1,797
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,391



## Bambangan, tarap akan dipromosi ke Singapura secara meluas

OLEH NAZRINI BADARUN

**TAWAU:** Dua jenis buah eksotik di Sabah iaitu bambangan dan tarap akan dipromosi ke Singapura secara meluas, kata Pemangku Ketua Pengarah Lembaga Pertanian dan Pemasaran (Fama) Malaysia, Zainal Yang Razali.

Menurutnya, dua buah eksotik berkenaan yang menjadi antara 'signature' Sabah mempunyai potensi untuk dieksport kerana mendapat permintaan daripada peminat yang mula menggemari kedua-dua jenis buah berkenaan.

"Saya begitu, berbangga buah tarap dan bambangan menjadi pilihan apabila dibawa ke Bukit Mertajam bulan Julai lepas dari Sabah dan akan dipromosi di Singapura dan awal bulan depan akan ke pasar tani di Putrajaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Daerah Tawau yang disem-

purnakan Pembantu Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Jimmy Wong, kelmarin.

Katanya, Fama akan terus berusaha mempromosi buah-buahan tempatan melalui pengajuran pelbagai program yang memberi manfaat secara langsung kepada semua pihak.

"Seperti program JTDL ini kita akan tingkatkan dan sasaran tiga atau empat kali setahun kerana ini dapat meningkatkan penggunaan buah dalam kalangan penduduk.

"Program seperti ini juga memberi peluang petani menjual secara terus dari ladang yang boleh meningkatkan pendapatan jualan mereka sekaligus memberi harga berpatutan kepada pengguna," katanya lagi.

Zainal berkata, sehingga 30 Jun tahun ini sebanyak 313 pelaksanaan JTDL di outlet serta program anjuran Fama telah diadakan memabitkan 503 peserta dengan jualan melebihi RM2.2 juta.

Terdahulu beliau berkata setiap negeri di negara ini telah dikenalpasti produk 'signature' masing-masing dengan di Tawau adalah produk amplang.

"Amplang di Tawau ini adalah yang terbaik dan mendapat permintaan tinggi kerana berkualiti dan boleh dieksport keluar untuk dikembangkan pasarannya," katanya.

Sementara itu, Jimmy memuji usaha dilakukan Fama dalam mempromosi buah-buahan tempatan yang dapat menarik kehadiran pengunjung dan pelancong.

"Program ini sangat baik dalam usaha menjadikan Tawau bukan sahaja terkenal sebagai makanan laut tetapi juga terkenal kerana memiliki buah-buahan tempatan yang bermutu tinggi dan aneka pilihan," katanya.

Turut hadir Pengarah Fama Sabah, Ribin Wahid dan Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Tony Koh.



RASMIKAN ... Jimmy Wong (empat kiri) bersama Zainal (tiga kiri) dan tetamu lain ketika merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Daerah Tawau.